



Pegawai SPRM membawa seorang bekas pegawai khas kepada bekas pengurusan tertinggi FELDA direman lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan pembelian sebuah hotel di Kuching, Sarawak oleh FELDA Investment Corporation (FIC) di Mahkamah Majistret Putrajaya

1. FIC: Bekas pegawai khas direman lima hari

PUTRAJAYA: Bekas pegawai khas kepada bekas pengurusan tertinggi FELDA direman lima hari bermula hari ini bagi membantu siasatan pembelian sebuah hotel di Kuching, Sarawak oleh FELDA Investment Corporation (FIC) pada 2014.

Pembelian itu kini dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perintah reman dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Lelaki terbabit yang berusia 51 tahun ditahan jam 4 pagi tadi di ibu pejabat SPRM di sini, individu keempat yang direman berhubung siasatan pembelian hotel berkenaan.

Sabtu lalu, dua lelaki berusia 47 dan 51 tahun, iaitu pengarah sebuah syarikat yang dilantik sebagai ejen untuk menguruskan pembelian hotel itu direman tujuh hari di Mahkamah Majistret di sini bagi membantu siasatan.

Pada Ahad, seorang lagi lelaki berusia 57 tahun, iaitu pengarah sebuah syarikat yang memiliki hotel itu direman selama enam hari.



DATUK Seri Jamil Khir Baharom. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

2. JAKIM lulus 3,396 sijil halal dalam 6 bulan

KUALA LUMPUR: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerima 4,435 permohonan sijil halal bagi tempoh antara Januari hingga Jun tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 3,396 atau 76.57 peratus permohonan sijil halal diluluskan.

"Tahniah JAKIM kerana sentiasa menambah baik perkhidmatan menerusi pelbagai inisiatif, termasuk mewujudkan program 'laluhan ekspres halal'.

"Usaha ini sejajar dengan peredaran semasa yang menyaksikan peningkatan jumlah permohonan sijil halal dalam sektor perniagaan di Malaysia," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Terdahulu, beliau hadir menyampaikan sijil halal produk dijual atas kaunter (OTC) keluaran Chemical Company of Malaysia Bhd (CCM) yang diperbaharui JAKIM kepada Pengerusi CCM, Datuk Normala Abdul Samad.

Kelulusan permohonan itu diperoleh beberapa hari selepas CCM memfailkan pembaharuan sijil halal untuk produk OTC keluaran syarikat berkenaan, sekali gus melonjak keyakinan peniaga terhadap inisiatif JAKIM dalam menambah baik sistem perkhidmatan sedia ada.

Jamil Khir turut memuji kerjasama JAKIM dan CCM pada 2013 lalu dalam mewujudkan standard farmaseutikal halal, MS2424:2012 yang pertama seumpamanya di Malaysia.

"Sijil yang diperbaharui ini wajar menjadi pemangkin dalam pengeluaran produk farmaseutikal halal di peringkat domestik dan global.

"Ta diharap meningkatkan pembabitan pengeluar di seluruh dunia dan agensi perakuan halal yang berkaitan supaya produk mereka bersifat patuh syariah, sekali gus menyediakan pilihan lebih baik kepada masyarakat Muslim dan penganut agama lain," katanya.

Sementara itu, Normala berkata, standard halal sewajarnya menjadi intipati pengeluaran produk farmaseutikal dan penjagaan kesihatan, iaitu menerusi gabungan antara syariah serta sains.

Katanya, Malaysia berupaya menerajui usaha berkenaan susulan kejayaan mewujudkan standard farmaseutikal halal pertama di dunia.

"Sijil diperoleh CCM ini adalah bukti komitmen syarikat ke arah matlamat untuk menjadi peneraju industri farmaseutikal halal di Malaysia dan di peringkat dunia," katanya.



Selasa, 1 Ogos 2017



KETUA Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Dzulkifli Ahmad melancarkan Gerakan Revolusi Antirasuah (GERAH) di Kuala Lumpur, hari ini. - Foto Asyraf Hamzah

3. SPRM teliti Laporan Ketua Audit Negara 2016

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang meneliti Laporan Ketua Audit Negara 2016 dari aspek ketirisan, salah guna kuasa dan rasuah.

Ketua Pesuruhjayanya, Datuk Dzulkifli Ahmad berkata pihaknya sudah menerima salinan laporan berkenaan semalam dan pegawai beliau sedang menelitinya.

Katanya, Pasukan Petagas Khas juga akan ditubuhkan untuk melakukan siasatan menyeluruh dan mengambil tindakan sewajarnya.

"Saya sendiri sudah baca sedikit laporan berkenaan dan sedang melihat isu berkaitan rasuah dan salah guna kuasa untuk tindakan sewajarnya," katanya kepada media selepas melancarkan Gerakan Revolusi Antirasuah (GERAH), di sini hari ini.

Laporan Ketua Audit Negara 2016 Siri 1, yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam , mengemukakan 353 syor bagi membantu Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan kerajaan negeri memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, berkata daripada jumlah itu, Jabatan Audit Negara mengemukakan dua syor terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2016, dengan 90 syor kepada aktiviti Kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan, 17 syor kepada syarikat kerajaan dan agensi kerajaan persekutuan dan 244 syor terhadap pengurusan aktiviti dan kewangan Kementerian, jabatan, agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri.

Dalam pada itu, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun Nasional) mengalami kerugian terkumpul pada akhir 2015 berjumlah RM209.28 juta disebabkan antara lain faktor tadbir urus korporat kurang memuaskan.

Audit juga mendapati tiada kajian menyeluruh dijalankan untuk menilai keberkesanan penggunaan dana oleh usahawan.



Selasa, 1 Ogos 2017

4. Anugerah EBA: PFP buat laporan SPRM


GEORGETOWN: Penang Front Party (PFP) hari ini, membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung anugerah dan sijil yang didakwa dibeli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Presidennya, Datuk Patrick Ooi, berkata laporan itu bagi meminta SPRM menjalankan siasatan terhadap dua pihak berkuasa tempatan (PBT) itu yang menerima anugerah dan sijil daripada Europe Business Assembly (EBA) pada 2013 dan 2014.

"Kita akan serahkan kepada pihak SPRM untuk menyiasat isu ini kerana sehingga hari ini kita masih tidak menerima sebarang kenyataan daripada Ketua Menteri, Lim Guan Eng yang perlu menjelaskan perkara sebenar kepada rakyat Pulau Pinang.

"Beliau sepatutnya perlu memberikan penjelasan sama ada beliau terbabit atau tidak dalam mendapatkan anugerah dan sijil berkenaan bagi mengelak salah faham," katanya ketika ditemui selepas membuat laporan di Pejabat SPRM pagi tadi.

Sebelum ini, MBPP dan MPSP didakwa menyalahgunakan wang rakyat apabila didakwa membeli anugerah dan sijil daripada sebuah agensi berpangkalan di Eropah.



PRESIDEN Penang Front Party (PFP), Datuk Patrick Ooi membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung anugerah dan sijil yang didakwa dibeli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Pejabat SPRM, pagi tadi

5. JKMR optimis SPRM cemerlang di bawah pimpinan Dzulkifli – Irmohizam

KUALA LUMPUR 31 Julai - Jawatankuasa Khas Parlimen Menangani Rasuah (JKMR) optimis dengan komitmen digerakkan pucuk pimpinan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha mencapai sasaran membebaskan negara ini daripada rasuah menjelang 2020.



Irmohizam Ibrahim

Anggotanya, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, ini berikutan, usaha yang dilaksanakan di bawah kepimpinan Datuk Dzulkifli Ahmad selaku Ketua Pesuruhjaya telah menunjukkan kecemerlangan di samping mengotakan janji untuk memerangi jenayah rasuah secara habis-habisan.

Malah katanya, pelbagai kejayaan telah dibuktikan menerusi proses siasatan, pendakwaan serta pencegahan selain memperkenalkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bagi membanteras gejala rasuah dalam kalangan penjawat awam untuk tempoh tiga tahun.

"JKMR menghargai kesungguhan dan iltizam yang diberikan SPRM dalam usaha menaikkan imej negara.

"Justeru itu, kita perlu membantu SPRM memperkasakan agensi tersebut dengan menyediakan keperluan dan asas yang kukuh dari segi perundangan, kewangan dan modal insan yang mencukupi," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Dalam pada itu, tambah Irmohizam, pihaknya yakin segala saranan yang pernah dikemukakan oleh JKMR sebelum ini akan dilaksanakan dengan segera terutama meneliti semula undang-undang membanteras rasuah serta menyediakan lebih ramai pegawai penyiasat.



JOHARI semasa sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Focus Group Budget 2018 : Mengurangkan Kos Menjalankan Perniagaan di Kompleks Kementerian Kewangan. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

6. 'Biar 1MDB selesaikan hal syarikat'

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak akan campur tangan dalam urusan membabitkan pembayaran antara syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan firma pelaburan Abu Dhabi, International Petroleum Investment Company (IPIC).

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata penyelesaian berkaitan pembayaran berkenaan wajar diuruskan ahli lembaga pengarah 1MDB bersama pihak IPIC.

"Ini hal syarikat, jika mereka mampu bayar, kita tunggu saja mereka bayar. Hal syarikat biar syarikat uruskan, biar ahli lembaga pengarah uruskan.

"Jika sampai peringkat syarikat ini tidak dapat uruskan, kita akan bincangkan mengenainya.

"Kita tidak bantu jika orang itu tidak datang kepada kita dan setakat ini, mereka tidak datang ke Kementerian Kewangan, maka kita tidak akan masuk campur buat masa ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kumpulan Fokus Bajet 2018: Mengurus Kos Membuat Perniagaan di sini, hari ini.

Semalam, 1MDB gagal membuat bayaran RM2.58 bilion kepada IPIC seperti dipersetujui dalam perjanjian penyelesaian April lalu.

1MDB menjelaskan ia tidak dapat memenuhi tuntutan pembayaran kerana dana yang sepatutnya diterima pada Julai ditangguhkan hingga Ogos.

Dalam satu kenyataan kepada Bursa Saham London semalam, IPIC berkata, 1MDB dan Kementerian Kewangan Diperbadankan (MOF Inc) mempunyai lima hari untuk 'memulihkan' kegagalan pembayaran itu.

Johari berkata, keutamaan kerajaan ketika ini adalah memastikan negara terus maju dan ekonomi berkembang dengan baik.



7. Pegawai JAIS didakwa salah guna kuasa

SHAH ALAM: Seorang kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tuduhan salah guna kuasa membabitkan wang tunai RM10,000 pada Februari tahun lalu.

Tertuduh iaitu pegawai dakwah di Pejabat Agama Islam Hulu Langat, Hairul Nizan Mhd Idris, 36, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Rozilah Salleh.



Kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tuduhan salah guna kuasa membabitkan wang tunai RM10,000 pada Februari tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan jawatannya bagi mengemukakan permohonan dan syor pembekalan syarikat Prisma Jaya Kini Resources, milik abangnya bagi Majlis Tilawah Al-Quran peringkat daerah Hulu Langat berjumlah RM10,000.

Perbuatan itu dilakukan pada 1 Februari 2016 di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat.

Berikutan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima ganda jumlah atau nilai suapan.

Rozilah menetapkan ikat jamin RM20,000 dan 4 September depan sebagai tarikh sebutan semula.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Heikal Ismail manakala tertuduh diwakili peguam Hamidi Mohd Noh.



Sabtu, 5 Ogos 2017



PAPANTANDA projek ECRL Stesen Kotasas di Taman Kotasas

8. ECRL pemangkin pembangunan sekitar 23 stesen

KUANTAN: Projek Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 600 kilometer dari Gombak, Selangor ke Tumpat, Kelantan bakal mewujudkan pertumbuhan ekonomi baharu di 23 stesenya, sekali gus membantu meningkatkan sosio-ekonomi penduduk tempatan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata kawasan yang bakal mempunyai stesen ECRL seperti Bentong dan Cherating di Pahang; Chukai, Dungun dan Kuala Telemong di Terengganu; serta Tok Bali, Wakaf Bharu dan Tumpat di Kelantan akan menjadi tumpuan pembangunan pesat,

sekali gus meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar serta merancakkan pertumbuhan ekonomi di Pantai Timur.

Katanya, ECRL akan menjadi satu lembaran baru kepada sektor pengangkutan awam dan kargo ke Pantai Timur dan melengkapi Pelabuhan Kuantan yang akan menjadi pelabuhan laut dalam selepas kerja naik tarafnya selesai.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak juga menyatakan bahawa impak pembinaan ECRL ini dapat membantu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak 1.5 peratus bagi negeri Pahang.

"Jadinya, projek ECRL ini sudah pasti memberi satu pencapaian yang membanggakan...ia akan menjadi pemangkin pertumbuhan pesat pembangunan ekonomi kawasan yang dilaluinya, sekali gus memberi banyak manfaat kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas perasmian Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC) yang disempurnakan Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah di sini, hari ini. Yang turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Presiden MCA itu berkata, Tengku Abdullah dijangka akan merasmikan majlis pecah tanah projek ECRL yang bernilai kira-kira RM55 bilion di tapak stesen KotaSAS, di sini, pada Rabu ini.

Beliau juga berkata, fasa pertama projek ECRL itu turut membabitkan pembinaan terowong sejauh kira-kira 18 kilometer di kawasan Lentang, Bentong.



9. Jumlah wanita terbabit rasuah meningkat

KUALA LUMPUR: Seramai 110 daripada 910 individu yang ditahan sepanjang tempoh Ogos tahun 2016 hingga Julai lalu kerana kesalahan rasuah adalah wanita.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, berkata bagi tempoh sama, daripada 405 pertuduhan yang dibuat di mahkamah, 38 kes membabitkan golongan wanita.

"Berbanding tempoh Ogos 2015 hingga Ogos tahun lalu, jumlah wanita yang ditahan kerana rasuah adalah seramai 79 orang daripada 855 individu yang ditahan. Dalam tempoh sama juga, jumlah pertuduhan pula adalah sebanyak 272 kes dan 24 daripadanya membabitkan pesalah wanita.

"Jika dibandingkan bagi dua tempoh masa terbabit, jumlah wanita yang ditahan dan dituduh kerana rasuah meningkat secara drastik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Forum Bicara BH bertajuk Rasuah - Cabaran Bagi Wanita yang dikendalikan Pengarang Bersekutu Ehwah Semasa BH, Kadir Dikoh sebagai moderator di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Dzulkifli berkata, peningkatan ketara dari sudut tangkapan dan pertuduhan membabitkan wanita itu amat membimbangkan.

Justeru, beliau berkata, golongan itu perlu memainkan peranan menentang amalan rasuah dan menerapkan nilai integriti dalam melakukan pekerjaan.

"Secara umumnya jumlah kes membabitkan wanita dibandingkan dengan lelaki amat jauh perbezaannya. Walaupun golongan wanita yang terbabit kes rasuah adalah jauh lebih rendah daripada lelaki, tetapi ia tetap membimbangkan," katanya.



DZULKIFLI Ahmad (kanan) bersama Kadir sebagai moderator pada program Forum Bicara BH Rasuah - Cabaran Bagi Wanita di Balai Berita.



DR Wan Junaidi Tuanku Jaafar (tengah) menerima sijil pengiktirafan Malaysia Book Of Records (MBOR) terhadap penanaman terumbu karang secara serentak terbesar daripada wakil MBOR Lee Pooi Leng (kiri) di Pulau Taman Laut Pulau Redang hari ini.

10. Kes rasuah bauksit: Sokong tindakan SPRM

PULAU REDANG: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan memberi kerjasama dan menyokong penuh tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang, dalam siasatan kes menerima suapan dari pelombong bauksit haram.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata penguatkuasaan untuk menghalang perlombongan bauksit di Pahang hanya boleh dilakukan pegawai dan kakitangan PTG negeri itu.

Katanya, kementerian hanya boleh bertindak untuk menyekat pengeluaran permit kelulusan eksport (AP) kepada syarikat, tetapi penguatkuasaan ke atas pelombong adalah di bawah bidang kuasa PTG negeri.

"Setakat ini, kementerian hanya meluluskan 22 AP kepada syarikat untuk mengeksport bahan galian itu keluar negara," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Restorasi Karang dan Pengiktirafan dalam Malaysia Book Of Record (MBR) di sini, petang tadi.

Wan Junaidi berkata demikian ketika mengulas empat kakitangan PTG Pahang ditahan SPRM kerana disyaki terbabit menerima suapan dari seorang pelombong bauksit haram, awal bulan ini.

"Kerajaan memutuskan untuk membekukan pengeluaran AP bagi menjalankan operasi perlombongan dan eksport sejak awal Januari tahun lalu," katanya.

Pertengahan Januari lalu, dua kakitangan PTG Pahang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuantan, Pahang atas tuduhan menerima wang tunai sebanyak RM30,000 dari seorang pelombong haram bauksit.

Dua lagi kakitangan PTG Pahang dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuantan semalam berhubung kesalahan menerima suapan daripada seorang pelombong bauksit haram, awal bulan ini.



DATUK Dzulkifli Ahmad (kanan) bersama Pengarang Bersekutu Hal Ehwal Semasa BH, Kadir Dikoh sebagai moderator pada program Forum Bicara BH Rasuah - Cabaran Bagi Wanita di Balai Berita. - Foto Rosela Ismail

11. 'SPRM masuk sebab stok bauksit tak pernah habis'

KUALA LUMPUR: Pengeluaran stok bauksit yang tiada penghujung menjadi punca Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan sehingga menahan 10 individu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad, berkata tempoh moratorium yang bermula Januari tahun lalu sepatutnya membawa kepada pengakhiran pengeluaran stok mineral terbabit.

Bagaimanapun, katanya, SPRM mengambil tindakan untuk menjalankan siasatan selepas pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar mendedahkan wujud penyelewengan dan salah guna kuasa dalam aktiviti pengeluaran mineral terbabit.

"Memang ada moratorium tetapi tempoh itu diberikan untuk menghabiskan stok.

"Bagaimanapun, perkara sebaliknya berlaku apabila pengeluaran bauksit semakin bertambah dan berlonggok di pusat pengumpulan.

"Pelaksanaan moratorium sampai bila-bila pun tidak berguna jika pengeluaran stok bauksit tiada penghujung.

"Oleh itu, berdasarkan maklumat daripada NGO terbabit, kita mengambil tindakan dan menahan individu berkaitan dalam isu bauksit," katanya ketika hadir sebagai panel Forum Bicara BH di Balai Berita di sini, hari ini.

Sebelum ini, SPRM menahan 10 kakitangan kerajaan termasuk seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana disyaki bersekongkol dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram di Kuantan, Pahang.

Turut ditahan, sembilan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang. Semua mereka ditahan dalam beberapa operasi sejak tengah malam kelmarin.

Pada sidang media selepas itu, Dzulkifli berkata, pihaknya akan mengambil keterangan beberapa saksi berhubung siasatan pembelian hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC) di Kuching, Sarawak pada 2014.

"Kes ini pernah ditutup pada tahun 2014 kerana kekurangan bukti, bagaimanapun berdasarkan perkembangan terkini dan maklumat yang kita terima, kes ini disiasat semula.

"Terbaru, beberapa individu penting akan dipanggil untuk diambil keterangan dalam tempoh terdekat," katanya.

Dzulkifli menjelaskan, pihaknya menumpukan usaha membendung rasuah dalam kalangan agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kerana mempunyai kepentingan kepada rakyat.

Katanya, lima agensi yang ketika ini berada dalam 'radar' SPRM adalah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Tabung Haji (TH) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).



12. RCI kerugian wang asing BNM mula bersidang

PUTRAJAYA: Siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kerugian urus niaga mata wang asing Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar 1980-an dan 1990-an, memulakan prosiding pertamanya, hari ini.

RCI itu diketuai Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, yang dilantik sebagai Pengerusi suruhanjaya dan dianggotai Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Kamaludin Md Said serta Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Berhad, Datuk Seri Tajuddin Atan.

Selain itu, Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan, Tan Sri Saw Choo Boon; Ahli Institut Akauntan Malaysia, Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan bekas rakan kongsi firma Ernst & Young, K Pushpanathan.

Pada prosiding itu, Mohd Sidek membacakan terma rujukan, antaranya menentukan kesahihan dakwaan mengenai kerugian akibat urus niaga pertukaran wang asing yang dialami Bank Negara dan implikasinya kepada ekonomi negara.

Suruhanjaya itu juga akan menentukan sama ada pembabitan Bank Negara dalam aktiviti urus niaga mata wang asing yang menyebabkan kerugian berkenaan adalah bertentangan dengan Ordinan Bank Pusat 1958 atau undang-undang lain berkaitan.

Terdahulu, Peguam Mohamaed Haniff Khatri Abdullah dan R Sivarasa, yang masing-masing bertindak sebagai peguam pemerhati Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengemukakan permohonan bantahan awal terhadap dua panel suruhanjaya atas isu berat sebelah.

Bagaimanapun, lima panel suruhanjaya sebulat suara menolak bantahan awal dan meneruskan prosiding.

Panel suruhanjaya menetapkan 10 hari bermula 21 Ogos ini bagi prosiding siasatan.

Pada 21 Jun lalu, Kabinet bersetuju menubuhkan RCI bagi menyiasat kerugian AS\$10 bilion dalam tukaran mata wang asing Bank Negara Malaysia pada 1990-an.

Keputusan itu dibuat susulan laporan Pasukan Petugas Khas (PPK), yang menyerahkan laporan akhirnya kepada Kabinet selepas melakukan siasatan sejak tiga bulan lalu.

Pada prosiding itu, Datuk Suhaimi Ibrahim bertindak sebagai pegawai pengendali.



Jumaat, 11 Ogos 2017

13. 1MDB bayar AS\$360 juta kepada IPIC



KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) hari ini mengumumkan ia sudah membayar AS\$360 juta kepada International Petroleum Investment Co (IPIC).

Dalam kenyataan hari ini, syarikat itu menjelaskan bayaran itu berdasarkan kepada pindaan bertarikh 8 Ogos 2017 ke atas Surat Ikatan Penyelesaian dengan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia dan IPIC.

"Baki daripada tanggungjawab pembayaran asal bertarikh 31 Julai, 2017 kepada IPIC kini adalah mengikut tarikh akhir pada 31 Ogos, 2017," katanya.

Syarikat itu memaklumkan bahawa semua bayaran kepada IPIC adalah daripada hasil program rasionalisasi yang sedang dilakukan.

14. SPRM tahan Isa Samad

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menahan bekas Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV), Tan Sri Isa Samad bagi membantu siasatan pembelian dua hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC).

Sumber berkata, Isa ditahan ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada jam 2.40 petang untuk memberi keterangan lanjut berhubung pembelian dua hotel berkenaan oleh FIC antara tahun 2014 dan 2015.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Katanya, penahan itu adalah tindakan susulan hasil daripada keterangan yang dirakam pasukan penyiasat berhubung pembelian hotel berkenaan.

"Justeru itu, SPRM yakin mempunyai asas yang kukuh untuk membuat penahanan itu supaya dapat membantu melengkapkan siasatan kes," katanya.



Pegawai Suruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membawa bekas Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Behad (FGV), Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad untuk mohon tahanan reman di

Mahkamah Majistret Putrajaya bagi membantu siasatan berhubung isu pembelian dua buah hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC).

15. Kes Isa Samad jadi tumpuan

PUTRAJAYA: Perkarangan Mahkamah Majistret di sini, pagi ini dipenuhi wakil media dan orang awam yang ingin mengikuti prosiding permohonan reman terhadap bekas pengerusi FELDA, Tan Sri Isa Samad.

Isa tiba kira-kira jam 9.08 pagi dengan diiring pegawai SPRM. Turut kelihatan isterinya, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid dan beberapa peguam.



Pegawai Suruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membawa bekas Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Behad (FGV), Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad untuk mohon tahanan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya bagi membantu siasatan berhubung isu pembelian dua buah hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC)

Isa ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, bagi membantu siasatan berhubung isu pembelian hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC) di Kensington, London dan Kuching, Sarawak.

SPRM dijangka memohon perintah reman terhadap Isa bagi membantu siasatan berhubung pembelian hotel berkenaan.

16. SPRM tahan pegawai HDC Sarawak

KUCHING: Dua pegawai Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) Sarawak ditahan hari ini bagi membantu siasatan berhubung tender mengecat dan membaik pulih flat.

Turut ditahan dalam operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) antara jam 12 hingga 1.20 tengahari itu seorang pengurus syarikat yang dilantik untuk melaksanakan projek berkenaan.

Pegawai HDC yang ditahan itu adalah seorang jurutera dan juruteknik kanan yang masing-masing berusia 39 dan 59 tahun manakala pengurus syarikat pula berusia 49 tahun.

Sumber berkata, tender itu dibuka oleh HDC Sarawak pada 2015 bagi kerja mengecat dan membaik pulih 12 unit rumah flat dua tingkat di Miri yang terbakar.

Sebanyak 10 permohonan diterima dengan sebuah syarikat kemudiannya dilantik melalui nilai tawaran melebihi RM2 juta.

"Bagaimanapun syarikat itu melantik subkontraktor lain bagi melaksanakan kerja mengecat dan membaiki kerosakan 47 blok bangunan.

"Pada 2016 syarikat itu membuat tuntutan pembayaran berjumlah RM11, 969 kepada HDC Sarawak sedangkan kerja itu tidak dilakukan," katanya.

Beliau berkata, perakuan Kerja Siap dikeluarkan oleh pihak HDC pada November 2015 sedangkan kerja mengecat dan membaik pulih sebanyak 12 unit rumah pangsa itu gagal dilaksanakan.

Difahamkan, maklumat berhubung kes tersebut diperolehi oleh SPRM menerusi laporan audit negara 2016.

Pengarah Jabatan Siasatan SPRM, Datuk Simi Abd Ghani, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan kesemua suspek akan direman esok bagi membantu siasatan.



BANK Negara Malaysia.

17. Kerugian BNM, skandal terbesar perbankan dunia

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta kerugian dialami Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar 1990-an tidak didedahkan kepada umum kerana bimbang beliau terpaksa meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Pendedahan itu dibuat bekas Penolong Gabenor BNM, Datuk Abdul Murad Khalid, ketika membaca keterangan saksi di hadapan Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyiasat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing BNM yang bersidang hari ini.

Dalam keterangannya, Abdul Murad berkata, ketika melakukan lawatan ke Chemical Bank, New York, Amerika Syarikat (AS) pada 1992, beliau diberitahu, kerugian BNM dalam urus niaga mata wang asing pada waktu itu berjumlah lebih kurang AS\$170 juta.

Katanya, apabila beliau memaklumkan perkara itu kepada bekas Gabenor BNM, Tan Sri Jaffar Hussein, beliau dimarahi dan diminta untuk berbincang dengan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, yang ketika itu adalah penasihat BNM.

"Pada awal tahun 1994, saya diarah oleh Gabenor untuk memberi penjelasan mengenai kerugian mata wang asing kepada Anwar, yang ketika itu Menteri Kewangan, ketika kami dalam penerbangan ke Hawaii.

"Saya sudah memberi penerangan kepada Anwar dan beliau menyatakan faham akan masalah kerugian itu dan akan berbincang dengan Gabenor mengenai perkara berkenaan.

"Selepas penerangan itu, Anwar juga memberi komen bahawa sekiranya kerugian sebenar urus niaga mata wang asing BNM didedahkan kepada umum, beliau sebagai Menteri Kewangan perlu meletakkan jawatan," katanya dalam pendengaran di hadapan enam anggota suruhanjaya siasatan itu, yang diketuai Pengerusi Petronas, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Turut menganggotai suruhanjaya itu ialah Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Wira Kamaludin Md Said; Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Bhd, Datuk Seri Tajuddin Atan; Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan, Tan Sri Saw Choo Boon dan Ahli Institut Akauntan Malaysia, K Pushpanathan.

Abdul Murad juga berkata, BNM mungkin menyembunyikan maklumat mengenai kerugian itu dengan memindahkan caj kepada akaun rizab yang lain.

Perkara itu dilakukan dengan niat kerugian sebenar yang dialami tidak diketahui oleh sesiapa yang melihat akaun BNM.

"Pada pengetahuan saya, kerugian mata wang asing yang dialami BNM pada ketika itu adalah satu skandal terbesar dalam sejarah perbankan dunia.

"Kedudukan kerajaan yang memerintah juga akan tergugat dengan skandal ini, oleh itu, "penutupan" terpaksa dilakukan untuk menjaga imej BNM dan kerajaan," katanya.

Abdul Murad berkata, urus niaga mata wang asing yang dilakukan pada tahun 1980-an dan 1990-an adalah berbentuk spekulasi yang tidak bersandarkan kepada aset tetapi lebih kepada perjudian.

Pushpanathan: "Kenapa urus niaga mata wang asing itu dikatakan lebih berbentuk perjudian?"

Abdul Murad: "Peranan BNM adalah menguruskan aset dan rizab. Namun, jumlah rizab luar BNM adalah lebih kurang AS\$20 bilion tetapi urus niaga mata wang asing adalah beratus bilion. Itu bukanlah menguruskan aset tetapi perjudian."

Pendengaran suruhanjaya siasatan itu bersambung Khamis ini.

Suruhanjaya itu ditubuhkan untuk menyiasat kerugian dialami BNM dalam aktiviti spekulasi bagi urus niaga mata wang asing pada sekitar 1990-an ketika Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri.

Ia juga bagi melihat dan sejauh mana tindakan menyembunyikan maklumat kerugian serta mengkaji jika ada perbuatan memberi kenyataan mengelirukan mengenainya kepada Parlimen.

18. BNM rugi RM34.547b dari 1988-1994

PUTRAJAYA: Bank Negara Malaysia (BNM) mengalami kerugian keseluruhan berjumlah RM34.547 bilion dalam urus niaga mata wang asing di antara tahun 1988 dan 1994.

Bekas Pengurus Akaun BNM, Abdul Aziz Abdul Manaf, berkata angka kerugian itu dinyatakan dalam laporan bertajuk Accounting Treatment of Losses Arising From Active Reserve Management 1998-1994, bertarikh 18 April 2007 yang disediakannya bersama seorang lagi pegawai.

Abdul Aziz berkata, maklumat dalam laporan itu diambil daripada dokumen Lembaga Pengarah BNM, penyata tahunan, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Audit dan kenyataan aset serta liabiliti.

Saksi itu berkata, beliau tidak pasti sama ada berlaku penyediaan perakaunan berhubung urus niaga mata wang asing di luar kebiasaan kerana tidak terbabit dalam penyediaan akaun tahunan BNM ketika itu.

"Laporan saya itu adalah 'after event' (selepas kejadian), oleh itu saya tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai sistem dari aspek 'check and balance' yang ada di BNM berhubung pelaksanaan urus niaga mata wang asing BNM pada 1980-an hingga 1994.

"Mengikut laporan saya, ada Jawatankuasa Rizab Luaran (mulai 1989) yang dipengerusikan Gabenor BNM dan Jawatankuasa Seliaan bagi mengawal selia dan memantau urus niaga mata wang asing bagi tempoh itu," katanya.

Abdul Aziz berkata, laporan mengenai kerugian BNM disediakan beliau selepas diarahkan bekas Gabenor BNM, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz pada 2007.

Saksi pertama suruhanjaya siasatan itu berkata, beliau tidak dapat mengingati sama ada arahan untuk menyiapkan laporan berkenaan diterima secara lisan atau melalui surat daripada Zeti.

"Pada waktu itu, Zeti meminta saya mengumpulkan semua maklumat mengenai semua urus niaga mata wang asing BNM pada tempoh itu. Laporan itu saya siapkan pada 18 April 2017 dan diserahkan kepada Zeti.

"Selepas tugas yang diarahkan kepada saya selesai, saya tidak mengetahui apakah tindakan susulan yang diambil oleh Zeti ke atas laporan itu," katanya.

Abdul Aziz yang membacakan pernyataan saksi pada prosiding berkenaan, berkata beliau tidak mengetahui bahawa bank pusat berkenaan ada mendapatkan pandangan luar sebelum menjalankan urus niaga mata wang asing.

Peguam BNM, Datuk Tan Hock Chuan memberitahu suruhanjaya siasatan, bank pusat itu mendapat khidmat nasihat daripada sebuah firma guaman dan Peguam Diraja British (Queen's counsel).

Tan Sri Mohd Sidek Hassan yang mengetuai Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyiasat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing BNM berkata, anggota suruhanjaya berasa hairan bagaimana kerugian sebesar RM34.5 bilion boleh berlaku tanpa pengetahuan mana-mana pihak.

"Kami mendapat penemuan hari ini BNM rugi RM34.5 bilion, jumlah itu disembunyikan daripada laporan BNM. Kita kena tahu siapa meminta ia disembunyikan.

"Saya rasa pelik. BNM adalah sebuah institusi yang dihormati. Sudah semestinya ada 'check and balance' dan prosedur standard operasi (SOP)," katanya.

Seorang lagi anggota suruhanjaya, Datuk Seri Tajuddin Atan, berkata perlu ada prosedur untuk memaklumkan Gabenor dan Timbalan Gabenor berhubung transaksi itu.

Tajuddin berkata, beliau selaku anggota panel mahu mengetahui isu itu dengan lebih mendalam.

Menjawab soalan itu, Datuk Abdul Murad Khalid, berkata gabenor BNM mengetahui mengenai kerugian tetapi tidak menyedari mengenai tahap kerugian dialami.

Suruhanjaya Siasatan itu ditubuhkan bagi menyiasat kerugian urus niaga mata wang asing Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar 1980-an dan 1990-an yang dikatakan mencecah lebih AS\$10 bilion.

Operasi urus niaga mata wang asing itu berlaku pada era Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri.

Sementara itu, saksi kedua, Datuk Ahmad Hizzad Baharudin, memberitahu suruhanjaya, beliau menerima arahan daripada pihak atasan pada April 1993 untuk menyiapkan laporan bagi menyiasat punca kerugian yang dialami BNM.

Ahmad Hizzad yang ketika itu berkhidmat sebagai Juruaudit Dalaman BNM, berkata tujuan laporan berkenaan untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab, sebaliknya mencari langkah bagi mengatasi masalah terbabit.

Beliau berkata, berdasarkan audit yang dijalankan, ada polisi bertulis di BNM ketika itu mengenai urus niaga mata wang asing, tetapi tidak mengingati secara terperinci, namun pelaksanaannya dari aspek 'semak dan imbang' masih tidak mencukupi.

Katanya, pemerhatian audit terhadap Bahagian Pemprosesan di Jabatan Akaun BNM, antaranya mendapati fungsi pemprosesan yang tidak mencukupi, kemungkinan laporan tidak lengkap mengenai keuntungan dan kerugian berbangkit daripada operasi tukaran mata wang asing dan bank tidak menilai semula urus niaga dari semasa ke semasa.



DATUK Azam Baki (kiri) dan Tan Sri Isa Samad.

19. Isa Samad antara suspek kes FIC - Azam

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menegaskan, bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Isa Samad, adalah antara suspek dalam kes pembelian hotel oleh Felda Investment Corporation (FIC) di Kuching, Sarawak dan Kensington, London.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki, menjelaskan setiap individu yang ditahan untuk disoal siasat dan diambil keterangan oleh SPRM, adalah suspek dalam kes yang sedang disiasat.

Beliau sekaligus menafikan kenyataan oleh peguam Isa bahawa anak guam mereka hanya dipanggil untuk beri keterangan dan bukan sebagai suspek.

Azam juga memaklumkan, SPRM sedang menerus dan melengkapkan siasatan kes pembelian hotel oleh FIC di Kuching dan Kensington sebelum dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk dipertimbangkan bagi pendakwaan.

"Saya tidak mahu menyatakan berapa lama siasatan ini akan selesai, namun kita harap beri masa kepada SPRM untuk melengkapkan siasatan berhubung kes ini sehingga selesai," katanya pada sidang media Majlis Ikrar Bebas Rasuah, Kementerian Luar Bersama SPRM, di sini, hari ini.

Semalam, Datuk K Kumaraendran, yang mengetuai pasukan peguam yang mewakili Isa berkata, SPRM tidak memohon lanjutan tempoh reman berikutan anak guamnya memberikan kerjasama penuh dalam siasatan itu.

Beliau yang ditemui pemberita selepas prosiding menekankan, Isa hanya ditahan bagi membantu siasatan dan bukan sebagai suspek kes itu.

Terdahulu, Mahkamah Majistret semalam membebaskan Isa selepas direman lima hari sejak Rabu lalu bagi membantu siasatan kes pembelian hotel FIC di Kensington.

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya, Datuk Zainal Abidin Kamarudin, membenarkan Isa, 68, diikat jamin RM150,000 dengan dua penjamin.

Azam menjelaskan, jika seseorang ditahan di bawah sesuatu kesalahan dan mendapat perintah daripada mahkamah untuk disoal siasat serta dijalankan siasatan, dia adalah suspek dalam kes berkenaan.

"Sudah pasti Isa adalah seorang suspek dalam kes FIC ini dan bukan hanya sekadar dipanggil untuk beri keterangan," katanya.



Selasa, 22 Ogos 2017

20. SPRM serbu pejabat MBI, JNSB dan UNISEL

SHAH ALAM: Pengarah Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Simi Abd Ghani mengesahkan serbuan di beberapa lokasi di Selangor dan Kuala Lumpur hari ini.

Beliau berkata, pasukan penyiasat dikerah ke pejabat Jana Niaga Sdn Bhd (JNSB) di Desa Pandan, Kuala Lumpur dan satu lagi di kampus induk Universiti Selangor (UNISEL) di Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Katanya, pegawai SPRM turut ke pejabat pengurusan UNISEL di Kampus Shah Alam dan pejabat Menteri Besar Diperbadankan (MBI) Selangor di Bangunan Darul Ehsan di Seksyen 14, di sini.

Simi berkata, satu kenyataan akan dikeluarkan selepas pasukannya selesai melakukan siasatan hari ini.

Difahamkan, siasatan berkenaan membabitkan penyelesaian antara UNISEL dan syarikat kontraktor JNSB yang diketahui umum selepas Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kelana Jaya pada 8 Julai lalu membuat laporan kepada SPRM Selangor berhubung penyelesaian itu yang didakwa meragukan.

Ketua Pemuda UMNO Kelana Jaya, Maisham Maarof, melalui laporannya antara lain mendakwa penyelesaian pertikaian oleh MBI Selangor dan Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB) membabitkan jumlah puluhan juta ringgit.

Beliau turut mempertikaikan tindakan universiti itu menganugerahkan kontrak baharu kepada JNSB yang didakwa melanggar perjanjian terdahulu.



Khamis, 24 Ogos 2017



PEGAWAI SPRM membawa lapan kakitangan Jabatan Oftalmologi Hospital Queen Elizabeth ke mahkamah atas tuduhan membuat tuntutan palsu lebih masa berjumlah RM126,757 di Mahkamah Sesyen, Kota Kinabalu. - Foto Edmund Samunting

21.8 penolong pegawai QEH dituduh palsu tuntutan

KOTA KINABALU: Lapan penolong pegawai perubatan Hospital Queen Elizabeth (QEH) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah di sini, hari ini terhadap 57 pertuduhan mengemukakan dokumen tuntutan palsu kerja lebih masa.

Mereka dituduh mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM126,757.24 antara Februari hingga Jun tahun lalu, mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Sebanyak 19 daripada pertuduhan itu mengikut Seksyen 28 (1) (c) Akta SPRM 2009 yang membabitkan dua tertuduh kerana bersubahat dengan membantu rakan mereka mengemukakan dokumen tuntutan palsu kerja lebih masa berjumlah RM54,347.54 bagi tempoh sama.

Semua tertuduh yang bertugas di Klinik Mata, QEH didakwa atas tuntutan palsu kerja lebih masa bagi Januari hingga Mei 2016 dengan kesalahan dilakukan di Pejabat Akauntan Negara, Sabah dan Pejabat Klinik Mata, QEH antara Februari hingga Jun tahun sama.

Seorang tertuduh, Naza Fadirul Mick Ab Satar, 33, berdepan 20 pertuduhan, iaitu lima mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 membabitkan tuntutan palsu berjumlah RM22,216.61 dan 15 pertuduhan lagi mengikut Seksyen 28 (1) (c) Akta SPRM 2009 dengan tuntutan RM43,685.65.

Turut berdepan dua seksyen pertuduhan ialah Mohd Akmal Mohd Hafiz, 26, iaitu lima pertuduhan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 membabitkan tuntutan palsu RM12,842.26 dan empat pertuduhan mengikut Seksyen 28 (1) (c) Akta SPRM 2009 dengan tuntutan RM10,661.89.

Lima tertuduh iaitu Mohd Rosidi Mohd Saidi, 38; Terence Linchos, 38; Jadin Untop, 30; Zulkifli Arun, 28, dan Noor Salim Mohd Zin, 27, masing-masing didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 membabitkan tuntutan palsu kerja lebih masa antara RM13,466.89 hingga RM19,992.63.

Noor Salim turut ditawarkan pertuduhan alternatif mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan kerana menggunakan dokumen palsu sebagai tulen ketika mengemukakan tuntutan kerja lebih masa bagi Januari hingga Mei tahun lalu.

Satu-satunya tertuduh wanita dalam kes itu, Juraineh Musalim, 27, berdepan tiga pertuduhan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 kerana mengemukakan tuntutan palsu kerja lebih masa berjumlah RM8,647.40 iaitu bagi Mac hingga Mei 2016.

Hakim Abu Bakar Manat membenarkan semua tertuduh diikat jamin antara RM20,000 hingga RM30,000 dengan deposit antara RM8,000 hingga RM15,000 dan seorang penjamin tempatan, manakala sebutan semula dijadualkan pada 30 Oktober depan.

Abu Bakar turut memerintahkan semua tertuduh melapor diri sebulan sekali di pejabat SPRM dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Mahkamah turut bersetuju untuk mengadakan perbicaraan serentak bagi semua tertuduh kecuali Naza.

SPRM diwakili Timbalan Pendakwa Raya Rozanna Abd Hadi dan Rustam Sanip serta Penolong Pesuruhjaya Awang Samsul Baharam Bungso, manakala semua tertuduh diwakili peguam Dominic Chew dan Hairul V Othman.



MOHD Fakhzan (tiga dari kiri) bersama Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kelana Jaya, Maisham Maarof (empat dari kiri) ketika hadir membuat laporan berkaitan isu DEIG di Pejabat SPRM Selangor, Shah Alam. - Foto Mohd Asri Saifuddin Mamat

22. SPRM digesa siasat DEIG

SHAH ALAM: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa menyiasat status Darul Ehsan Investment Group (DEIG) yang didakwa beroperasi lebih awal dari tarikh yang ditetapkan.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Petaling Jaya Utara, Mohd Fakhzan Md Noor, berkata ia berikutan kenyataan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, yang dipetik sebagai berkata, DEIG tidak memulakan operasi sehingga 2016.

"Bagaimanapun media melaporkan DEIG melalui anak syarikatnya DEIG Land, mula membuat Permintaan Maklumat (RFI) untuk kerja membangunkan tanah kerajaan negeri yang terletak di Shah Alam, Gombak dan Bukit Beruntung pada Jun 2015.

"Tanah pada tiga lokasi ini dianggarkan bernilai hampir RM10 bilion. Ketika itu, DEIG masih lagi syarikat persendirian dengan modal berbayar RM2 dan hanya dipindah milik ke Menteri Besar Diperbadankan (MBI) pada penghujung Ogos 2015 setelah isunya mula dibangkitkan.

"Jelas ia bercanggah dengan kenyataan Mohamed Azmin, sekali gus menunjukkan DEIG sudah beroperasi sebelum 2016 lagi," katanya pada sidang media selepas membuat laporan SPRM terhadap DEIG, di sini, hari ini.

Mohd Fakhzan mendakwa, kerajaan negeri turut bercadang memindahkan aset berjumlah hampir RM30 bilion kepada DEIG.

"Kami bimbang dengan ketelusan urusan pelaburan dan pentadbiran DEIG yang dikatakan tidak perlu diaudit dan dilaporkan kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor. Ia jelas berbeza dengan syarikat pelaburan Selangor lain.

"Jadi boleh diandaikan aset kerajaan Selangor bakal terdedah kepada risiko penyelewengan serta serta pelaburan yang salah. Akhirnya, rakyat Selangor bakal menanggung kerugian besar," katanya.

Sebelum ini, beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor, termasuk bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, melahirkan kebimbangan mereka terhadap ketelusan penubuhan DEIG yang akan mengambil alih peranan MBI dalam menguruskan pelaburan anak syarikat di bawah pemerbadanan itu.



Isnin, 28 Ogos 2017



ANGGOTA SPRM mengiringi kakitangan awam terdiri dari dua lelaki dan seorang wanita yang akan didakwa atas kesalahan membuat tuntutan palsu di Mahkamah Sesyen Kuantan. - Foto Zulkepli Osman

23.3 penjawat awam dituduh buat tuntutan palsu

KUANTAN: Seorang penolong jurutera di Pejabat Tanah dan Daerah Rompin dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan atas pertuduhan membuat tuntutan palsu berhubung kerja pembinaan surau berjumlah RM65,340, Disember lalu.

Tertuduh, Mohd Azly Kamrudin, 31, dari Kampung Feri Pontian, Kuala Rompin, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Habibah Mohamed Yusof.

Beliau dituduh menandatangani dokumen perakuan pengesahan kerja yang sudah disiapkan iaitu sebuah surau di perumahan Pontian Jaya berjumlah RM65,340.

Lelaki itu didakwa mengetahui dokumen itu mempunyai butiran palsu dan pembinaan surau itu tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Tertuduh melakukan kesalahan itu di Pejabat Daerah dan Tanah Rompin pada 20 Disember 2016.

Dakwaan dibuat mengikut Sesyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohamad Fadhly Mohd Zamry, menawarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin sebelum Habibah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,000.

Sementara itu, di mahkamah sama, dua kakitangan Jabatan Penerangan Pahang mengaku tidak bersalah atas empat pertuduhan membuat tuntutan palsu berhubung pembekalan makanan dan minuman pada Program Penghayatan 1Malaysia di Cameron Highlands tiga tahun lalu.

Tertuduh, Samsuri Mamat@Mohamed, 41 dan Zuraini Uda, 35, yang masing-masing menjawat jawatan Penolong Pegawai Penerangan dan Pembantu Penerangan melakukan kesalahan itu pada Ogos dan November 2014.

Mereka dituduh menggunakan invois bertarikh di antara 11 Ogos hingga 7 November 2014 berjumlah RM1,950 bagi pembekalan makanan dan minuman pada program berkenaan, yang mana dalam pengetahuan mereka pembekalan itu tidak dilaksanakan.

Mereka melakukan kesalahan itu mengikut Sesyen 18 Akta SPRM 2009, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Mohd Fadhly menawarkan jaminan RM20,000 bagi semua pertuduhan sebelum Habibah membenarkan kedua-duanya diikat jamin RM6,000 setiap seorang.

Mahkamah menetapkan 19 September ini untuk sebutan semula kes bagi memberi peluang kepada ketiga-tiga tertuduh melantik peguam.



Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim

24. SPRM ambil keterangan Khalid isu MBI, UNISEL

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, semalam memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam siasatan berhubung pembayaran dibuat Menteri Besar Diperbadankan (MBI) kepada Jana Niaga Sdn Bhd (JNSB) bagi projek Universiti Selangor (UNISEL).

Turut dipanggil SPRM untuk memberi keterangan semalam, adalah Ahli Lembaga Pengarah Pendidikan Industri Sdn Bhd (PIYSB), Nik Suhaimi Nik Sulaiman.

Kedua-dua mereka diambil keterangan mulai jam 3.30 petang, sebelum prosedur itu berakhir tiga jam kemudian.

Sementara itu, BH turut difahamkan, sepasukan pegawai SPRM sekali lagi menyerbu beberapa lokasi semalam, termasuk pejabat PIY SB, UNISEL dan MBI untuk mengambil dokumen penting.

Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Simi Abd Ghani, ketika dihubungi mengesahkan serbuan terbabit serta kehadiran Abdul Khalid dan Nik Suhaimi memberi keterangan semalam.

Sebelum ini, SPRM melakukan serbuan terhadap beberapa lokasi bagi mendapatkan maklumat dan dokumen berhubung pembayaran RM16 juta oleh MBI kepada JNSB yang menjalankan kerja penyelenggaraan kediaman pelajar di Kampus Induk UNISEL Bestari Jaya.

MBI dipercayai membuat bayaran kepada JNSB menerusi dua transaksi, iaitu RM10 juta pada 2015 dan RM6 juta lagi pada 2016.



PEGAWAI SPRM memasuki bangunan pentadbiran kerajaan negeri bagi menjalankan siasatan berhubung isu pemilikan tanah Gatco di Seremban pagi tadi. - Foto Khairul Najib Asarulah Khan

25. Ladang Gatco: SPRM serbu pejabat kerajaan negeri

SEREMBAN: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu Unit Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan di sini, bagi mendapatkan maklumat berkaitan isu pemilikan tanah di Kampung Serampang Indah atau Ladang Gatco di Serting Hilir, Bandar Seri Jempol.

Empat pegawai SPRM dilihat tiba di pejabat berkenaan jam 10.45 pagi dan hingga tengah hari ini, masih menjalankan pemeriksaan di pejabat terbabit.

Ahad lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Zulkiffli Ahad, memberitahu akan menubuhkan pasukan khas bagi menyiasat kemelut pemilikan tanah yang dihadapi kampung berkenaan, selepas menerima aduan penduduk.

Isu pemilikan tanah di kampung itu berlarutan sejak 40 tahun lalu, malah kerajaan negeri pernah menyelesaikan isu itu melalui tawaran tanah seluas 1.6 dan 0.8 hektar tetapi ada penduduk yang tidak bersetuju.

Ladang Gatco dengan tanaman getah dan sawit seluas 1,200 hektar di kampung itu milik Syarikat GATCO dan ditawarkan kepada penduduk untuk dimajukan melalui skim seperti tanah rancangan FELDA pada tahun 1970-an.

Bagaimanapun, pemilikan tanah bertukar tangan kepada pelbagai pihak sebelum dimiliki sebuah syarikat dan bersetuju bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah tanah di ladang berkenaan.



Khamis, 31 Ogos 2017



KAKITANGAN Bahagian Penguat Kuasa KPDNKK Tawau (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret untuk perintah reman hari ini. - Foto Abdul Rahemang Taiming

26. Penolong pegawai wanita ditahan

TAWAU: Seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Cawangan Tawau ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung kes meminta dan menerima rasuah.

Suspek yang juga wanita berumur 37 tahun itu ditahan di pejabat SPRM di sini kira-kira jam 4.15 petang semalam, selepas menerima aduan daripada seorang pengadu pada Selasa lalu.

Pengarah SPRM Sabah, Datuk Sazali Salbi, menerusi satu kenyataan hari ini, berkata suspek dipercayai telah meminta wang rasuah sebanyak RM1,000 daripada pengadu pada 15 Ogos kira-kira jam 5.00 petang.

"Wang rasuah itu sebagai dorongan untuk melepaskan bot dan enjin milik pengadu yang telah dirampas oleh pihak KPDNKK atas kesalahan menyeludup 10 tong gas petroleum cecair (LPG).

"Wang tunai RM500 telah diserahkan oleh pengadu pada hari yang sama pada 15 Ogos lalu manakala baki wang sebanyak RM500 lagi akan diserahkan pada hujung bulan ini," katanya.

Sementara itu, Mahkamah Majistret di sini hari ini, membenarkan perintah tahanan reman terhadap suspek selama tujuh hari bermula hari ini selepas permohonan dikemukakan Pemangku Penolong Kanan Penguasa SPRM Sabah, Muhammad Nur Zam Zam Maidin.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam, tiba di pekarangan Mahkamah Tawau dengan diiringi anggota SPRM pada jam 10.23 pagi.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali nilai suapan, mana-mana yang lebih tinggi.